

R GB 03-09 00165 BB123

bah

TINDAKAN ELYAS JARANG BERLAKU DI MALAYSIA'

Mahathir - Elyas

Daripada Ahmad Zukiman Zain

JAKARTA, 3 Sept (Bernama) -- Kesanggupan Datuk Bandar Tan' Sri Elyas dmar meletakkan jawatan kerana bertangjungjawab terhadap segala perkara dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur merupakan sesuatu yang jarang berlaku di Malaysia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

+Saya angkat topi kepada dia,+ kata Perdana Menteri semasa dialog dengan pelajar Malaysia di Indonesia di Sekretariat Asean di sini.

Dr Mahathir, menjawab soalan mengenai langkah kerajaan mengawal rahsia daripada pembocoran, berkata tidnk banyak orang di Malaysia yang sanggup berbuat seperti Elyas meletakkan jawatan keranaii sikap pertanggung jawaban.

Bagaimanapun katanya beliau masih mengkaji perkara itu setelah mengetahui daripada akhbar mengenai hasrat Elyas untuk tidak lagi mengetuai DBKL mulai 17 Sept ini.

Elyas mengumumkan keputusan meletakkan jawatan dua hari lepas setelah pembangkang membangkitkan isu penyalahgunaan wang DBKL membabitkan \$4.5 juta kerana lawatan ke Casablanca dan pembelian 22 kereta Volvo. -- Lagi

▼03/09/20-55MST

CNS6407

R GB 03-09 00121 BB124

bah

Mahathir - Elyas 2 Jakarta

Dr Mahathir berkata sukar bagi kerajaan menentukan perkara-perkara rahsia tidak dibocorkan memandangkan organisasinya yang besar dengan mempunyai hampir 900,000 pegawai dan kaki tangan pelbagai peringkat.

+Nak jaga rahsia susah sikit, macam nak, genggam tepung. ..keluar juga di celph-celah jari,+ katanya.

Beliau berkata sementara kerajaan tidak suka terjadinya pembocoran rahsia, ia juga tidak bersetuju dengan perbuatan curang yang berlaku.

+Yang penting ialah pegangan kita kepada nilai-nilai amanah untuk tidak melakukan perkara ini,+ katanya .

Dalam pertemuan hampir sejam dengan para pelajar Malaysia itu, Dr Mahathir meminta mereka bersyukur memperolehi peluang menuntut diluar negara dan berharap apabila pulang akan mendokong cita-cita negara mencapai matlamat +Wawasan 2020+. --Lagi

▼03/09/20-57MST

CNS6409

R GB 03-09 00088 BB125

bah

Mahathir - Elyas 3 (Akhir) Jakarta

Beliau berkata mereka liendaklah membuktikan bahawa lulusan universiti negara' ini setanding dengan graduan Malaysia dari negaratnegara lain.

Dr Mahathir, diiringi isteri Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali, berada di sini untuk menghadiri Persidangan Kemuncak ke-10 Pergerakan Negara Berkecuali (NAM).

Beliauturut menjawab pelbagai soalan merangkumi biasiswa, masalah Penan, tentangan terhadap cadangan Malaysia menubuhkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), tuntutan beberapa negara terhadap Kepulauan Spratly dan isu Penan. -- Bernama

▼03/09/20-58MST